

Suar a Al - Ist iq amah

Membina Masyarakat Beriman, Berilmu & Beramal

VOLUM 1, ISU 2

MITA (P) No. 136/12/2000

Diedarkan dengan Percuma

Muharam 1422 H

SAJAK HLJRAH

SEKALI AKU MELANGKAH...

Aku tidak akan menoleh ke belakang juga
aku tidak akan melirik ke kiri mahupun ke kananku
biarlah mataku melihat ke depan
sekalipun pandangannya usang
sekalipun terbatas ruangnya

seorang perindu harus menjaga erti kesetiaan
dalam kesetiaan ada lingkungannya
biar sempit pada pandangan
biar kecil pada ukuran
asal tidak tergedai usia pengorbanan.

Semalam adalah himpunan dosa
siangnya bertemankan noda
malamnya berkongsi cinta buta
tiada ruang detik untuk mengingati
Tuhannya

lelaki yang bertenaga
lupa tentang rebah dihujung waktunya

lupa tentang sengatan sakitnya.
Berapa lama aku harus menjadi
seorang penderhaka
kerana hidup sekadar berpoya-poya
dengan cinta
nikmatnya sesuap rasa
sedapnya sekadar di lidah.

Hari ini, aku ingin mengatur langkah

mencari di mana arah Kaabah
sudah tiba masanya
aku menjadi lelaki setia
menghitung waktu yang semakin pudar warnanya
biarlah aku pulang dengan semangkuk pahala
daripada kembali tanpa nama dan wajah.

Tuhan, bantulah perjalanan ini.

- MIBARZO.

Iktibar Hijrah Dalam Kehidupan Oleh Suhaimi Mohsen

TAHUN baru Hijrah datang menjengah lagi. Bagaimana sambutan kita? Adakah ia akan berlalu seperti hari-hari biasa?

Atau kita tergolong dalam golongan orang-orang yang tidak lupa mengambil kesempatan ini untuk memuhasabah diri — meneliti sama ada iman, ilmu dan amal kita semakin bertambah sepanjang tahun Hijrah 1421, masih sama atau lebih buruk lagi, semakin berkurangan?

HIJRAH DAN SEJARAH

Jika kita menghimbau sejenak, Hijrah adalah satu peristiwa besar dalam sejarah Islam. Hijrah bermula dengan penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah ke Madinah. Ia merupakan satu titik mula yang merintis era pentadbiran sebuah negara Islam yang sempurna.

Penghijrahan itu menghasilkan perpa-

duan: antara puak Aus dan Khazraj di Madinah, antara masyarakat An-sar (puak Aus dan Khazraj) dengan masyarakat Muhajirin (yang berpindah dari Makkah ke Madinah).

Di samping itu, masyarakat Islam juga mengikat perjanjian damai untuk hidup harmoni dengan kaum Yahudi yang berada di Madinah ketika itu. Ini sekaligus menggambarkan bahawa Islam bukan sahaja agama yang condong pada kedamaian, malah sejak awal lagi telah menganjurkan kehidupan harmoni dengan bangsa dan agama lain.

Dengan penghijrahan itu itu juga bermula sistem pentadbiran Islam merangkumi politik, ekonomi, sosial, budaya dan pelbagai aspek kehidupan.

Seorang pensyarah dari Istac, Profesor Mud-dathir Abdul Rahim, pernah menjelaskan bahawa dengan penghijra-

han Nabi ke Madinah, bermulalah satu order baru yang berdasarkan nilai-nilai etika, untuk orang Islam dan bukan Islam, bermulanya perpaduan dan kerjasama, keamanan yang sejati dan kehidupan yang lebih bermakna, yang harus menjadi model bagi seluruh umat manusia, terutama orang Islam.

“Di situlah bermulanya konsep persaudaraan dalam Islam... satu konsep pemerintah dan perpaduan yang tidak pernah wujud sebelum ini, satu sistem kehidupan yang teratur, tersusun, lengkap dengan peraturan dan undang-undang, yang sesuai pada semua zaman dan tidak ada tolok bandingnya sehingga ke hari ini,” kata beliau.

Ringkasnya, peristiwa Hijrah dan segala perubahan yang menyusulnya membawa pengertian besar sehinggakan ia dijadikan asas kiraan Takwim Islam hingga ke hari ini.

Dalam isu ini:	
Iktibar Hijrah Dalam Kehidupan (sambungan)	2
Aktiviti Masjid	3
Dari Belakang Kaunter: Laporan Ringkas Tiga Jabatan	4-5
Tiga-Campur-Satu, Puan Kamisah	6
Alangkah Nikmatnya Berjirankan Masjid	7
Umar r.a.—Penegak Kebenaran	8

LPM dan tenaga pengelola Masjid Al-Istiqamah mengucapkan

SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1422 HLJRAH

Semoga hari esok kita lebih baik dari semalam.

...dari ms 1

MAKNA HIJRAH DALAM KEHIDUPAN

Hijrah bermakna pindah. Proses hidup manusia itu sentiasa berpindah randah. Hidup tidak kekal, tetapi berubah-ubah.

Kehidupan kita sendiri adalah satu proses hijrah. Kita berhijrah dari alam roh, ke alam kandungan, dan kini ke alam kehidupan. Semasa dalam kehidupan ini, kita umumnya berpindah dari alam bayi, ke alam kanak-kanak, ke alam remaja, kemudian ke alam dewasa sebelum ke alam tua.

Dan selepas kehidupan ini, akan berhijrah lagi, ke alam alam kubur (barzakh) sebelum ke destinasi terakhir iaitu ke alam akhirat.

IKTIBAR HIJRAH

Terdapat pengajaran besar daripada peristiwa Hijrah nabi?

- *Menguji kesabaran.*

Bayangkan kita terpaksa berjalan kaki dari Singapura ke Kuala Lumpur. Perjalanannya sukar siangnyanya di bawah terik matahari, dan malam dicengkam kedinginan malam, tidur bertilamkan bumi, beratapkan langit. Lebih buruk lagi, anda diburu musuh yang bersungguh-sungguh untuk membunuh. Bagaimana rasanya? Termampukah kita?

- *Pengorbanan dan keimanan.*

Ia juga memaparkan kesanggupan untuk berkorban demi cinta kepada Allah. Nabi sanggup meninggalkan tanah tumpah darah-

nya, dan meninggalkan apa jua yang bererti dalam hidupnya, demi cintanya kepada Allah. Begitu juga sahabat yang menemaninya dalam perjalanan, dan para sahabat yang lain, yang meninggalkan segala apa yang mereka miliki demi agama menegakkan agama suci ini.

- *Undur tidak bererti kalah.*

Setelah menerima tekanan hebat di Makkah, Nabi terpaksa berundur ke Madinah. Tetapi undur tidak bererti kalah. Semasa di Madinah, Nabi bangkit semula, memperkukuh barisan, menghasilkan perpaduan, menyusun pentadbiran, dan kembali menyebarkan dakwah Islam, bukan sahaja di Makkah, tetapi juga ke beberapa negara lain di zamannya. Pengunduran atau penghijrahan Nabi itu ternyata membawa kemenangan.

HIJRAH DAN KITA

Ternyata kehidupan umat Islam di zaman Nabi terus bertambah baik, terutama selepas penghijrahan. Ia sejajar dengan anjuran nabi supaya kita berusaha menjadikan "hari ini lebih baik daripada semalam dan esok menjadi lebih baik daripada hari ini".


Seorang pendakwah dari Amerika Syarikat, Dr Yahia Abdul Rahman, mengukur kejayaannya sebagai seorang bapa dengan melihat kepada kemajuan anaknya. Jika anaknya hanya mampu menjadi sepertinya (yang bertaraf doktor falasah), maknanya beliau tidak mencapai apa-apa. Tidak ada apa yang boleh dibanggakan.

Malah Dr Yahia menganggap dirinya gagal sekiranya anaknya gagal menyamai taraf kehidupannya. Beliau menganggap dirinya berjaya jika anak-anaknya mencapai dan menikmati kehidupan yang lebih baik daripadanya, baik dari segi pendidikan, jawatan, kedudukan, kewangan dan sebagainya.

Kita harus pastikan, menerusi pelbagai usaha, merangkumi iman, ilmu dan amal, bahawa generasi kita sekarang mesti lebih baik daripada generasi ibu bapa kita, dan berusaha memastikan bahawa generasi anak-anak kita akan lebih baik daripada generasi kita, dan generasi cucu kita akan lebih baik daripada generasi anak kita. Barulah ada penghijrahan yang bermakna.

Hanya jika kita benar-benar berusaha meningkatkan pencapaian, menjadikan hari ini lebih baik daripada semalam dan esok menjadi lebih baik lagi, baru kita boleh menjadi masyarakat yang lebih berjaya, mencapai kecemerlangan dan dihormati.

Bagaimana dengan kita? Adakah kita mengambil pengajaran daripada peristiwa ini? C



Kursus Persiapan Rumah Tangga

Kursus 4 sesi ini akan berlangsung di Masjid Al Istiqamah pada:

* Sabtu 30 Jun: 2 ptg—6 ptg * Ahad 1 Jul: 9 pg—5 ptg

* Sabtu 7 Jul: 2 ptg—6 ptg * Ahad 8 Jul: 9 pg—5 ptg

Yuran: \$110 (termasuk nota dan jamuan)



Aktiviti Masjid

Jadual Imam/Bilal Solat Juma'at (Apr—Jun 2001)

<u>Tarikh</u>	<u>Imam/Khatib</u>	<u>Bilal</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Imam/Khatib</u>	<u>Bilal</u>
30 Mar	Ust Muhd Fazali Jaafar	En Ramli Senin	18 Mei	Imam Roslan Abd Aziz	En Ramli Senin
6 Apr	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman	25 Mei	Ust Mohd Kamal Mokhtar	En Roslan Abd Aziz
13 Apr	Ust T M Fouzy	En Roslan Abd Aziz	1 Jun	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman
20 Apr	Imam Roslan Abd Aziz	Hj Yaakob Shukur	8 Jun	Ust Md Fahroraizi Kiyai Kassim	En Roslan Abd Aziz
27 Apr	Ust Md Ghouse Salleh Khan	En Ramli Senin	15 Jun	Imam Roslan Abd Aziz	Hj Yaakob Shukur
4 Mei	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman	22 Jun	Ust Noor Razak Abu Bakar	En Roslan Abd Aziz
11 Mei	Ust Mohd Shafie Mohd Noor	Hj Yaakob Shukur	29 Jun	Ust Mohd Noor Tijany	En Ramli Senin

Jadual Kelas-kelas Agama Masjid Al-Istiqamah

<u>Setiap Hari</u>	<u>Kelas</u>	<u>Pimpinan</u>	<u>Setiap Hari</u>	<u>Kelas</u>	<u>Pimpinan</u>
Isnin	Kuliah Maghrib (Hadis)	Ust Md Shafie	Sabtu	Kursus Menghalusi Solat	Ust Fahroraizi K Kassim
Isnin	Fiqeh/Aqidah	Ust Ibrahim Hussain	Sabtu	Syarahan bulanan	Pensyarah undangan
Isnin	Kursus Haji & Umrah	Ustz Kamariah	Ahad	Kursus Ibadah Sempurna	Ust Mohd Noor Tijany
Selasa	Fardu Ain Muslimah	Ustz Sharafiah	Selasa	Fiqeh Wanita (modul)	Ustz Nek Mah Batri
Rabu	Kuliah Muslimah	Ustz Kamariah	Isnin	Iqra' untuk remaja	Ust Effendi Ahmad
Khamis	Yasin & Tahlil	Imam Masjid	Isnin/Rabu	Klinik Al-Quran	Ustz Nek Mah Batri
Khamis	Sirah - Muslimah	Ustz Siti Rahmah	Jumaat	Quran bermodul	Ust Effendi Ahmad
Khamis	Tafsir Al-Quran	Ust Ibrahim Hussain	Sabtu	Iqra' Talaqqi	Ust Effendi Ahmad
Jumaat	Kuliah Maghrib	Ust Ismail b Ahmat	Ahad	Tajwid Al-Quran	Ustz Jamaedah
Jumaat	Aqidah, Fiqeh, Tasawuf	Ust T M Fouzy	Ahad	Al-Quran & Tajwid	Ust Roslan Abd Aziz
Sabtu	Kuliah Zohor - Muslimah	Ustz Habsah Senin			

Perhatian: Masa tidak berubah—kekal seperti sebelumnya.

Jadual Kuliah Subuh (Setiap Ahad)

<u>Tarikh</u>	<u>Penceramah</u>	<u>Tajuk</u>
1 April 2001	Ust Ismail Ahmat	Akidah Islam, Penerapan Rukun Iman
8 April 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran
15 April 2001	Ust Yusof Jaforullah	Tasawwur Islam
22 April 2001	Ust Khozin Muhsan	Tanda-tanda Hamba Allah yang Soleh
29 April 2001	Ust Jazair Jumat	Nama-nama Allah yang Indah
6 Mei 2001	Ust Ismail Ahmat	Akidah Islam, Penerapan Rukun Iman
13 Mei 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran
20 Mei 2001	Ust Yusof Jaforullah	Tasawwur Islam
27 Mei 2001	Ust Khozin Muhsan	Tanda-tanda Hamba Allah yang Soleh
3 Jun 2001	Ust Ismail Ahmat	Akidah Islam, Penerapan Rukun Iman
10 Jun 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran



Qiyamullail 1—Ahad, 21/4/2001 pimpinan Ust Khozin Muhsan
Qiyamullail 2—Ahad, 19/5/2001 pimpinan Imam/Bilal Masjid Al-Istiqamah

Dari belakang kaunter: Laporan ringkas tiga Jabatan

Jabatan Wanita



Telekong sentiasa kemas, bersih dan tersusun rapi. Hidangan tersedia di setiap majlis. Keadaan ini sukar dicapai tanpa sumbangan tenaga kaum wanita di masjid ini.

Jabatan Wanita Masjid Al-Istiqamah merupakan antara tunggak yang memainkan peranan penting dalam memakmurkan masjid sejak masjid ini mula beroperasi.

Dari kesatuan para anggota jabatan dan semangat gotong royong, jabatan ini telah berjaya membantu Masjid dalam banyak aspek, dan kebanyakan projek-projek dilaksanakan tanpa kos (kos sifar), malahan menyumbang pula ke dana masjid.

Selain kelas-kelas dan kuliah-kuliah untuk wanita, jabatan ini juga menguruskan:

- Gerai jual amal masjid.
- Giliran mencuci telekong.
- Jamuan setiap majlis anjuran masjid.
- Membantu Jabatan Kewangan dalam urusan tabung-tabung derma kelas-kelas harian.

Jabatan ini yang bertindak sebagai wadah (platform) mengeratkan siratul rahim dikalangan wanita, mempunyai visi “untuk menjadi tunggak pembinaan keluarga sakinah”. Berteraskan visi tersebut, jabatan ini juga bekerjasama erat dengan Jabatan-jabatan lain Masjid seperti Jabatan Pendidikan, Kebajikan dan Pembangunan Keluarga, Kewangan, Ibadah dan Dakwah, Perhubungan dan Pener-

angan dan IT. Ia juga bertindak sebagai ibu (penasihat) kepada belia/beliawanis masjid.

Insyallah, untuk tahun 2001 jabatan ini merancang untuk meng-

- Kursus motivasi
- Kursus peningkatan diri seperti menjahit, mengubah bunga, IT dan sebagainya.
- Projek kesihatan
- Projek ekonomi seperti membuka kantin untuk murid madrasah, khidmat sewa menyewa dan sebagainya.
- Wisata amal dan pendidikan, didalam atau ke luar negara.

Semoga jemaah masjid amnya dan muslimah khususnya mendapat manfaat dari usaha Jabatan ini. C

Jabatan Teknikal & Penyenggaraan

Dengan hanya petikan suis, kipas ligat berpusing, dewan solat dan bilik darjah diterangi cahaya lampu. Permaidani, tempat wudhuk, tandas dan kawasan sekitaran masjid pula kelihatan terjaga bersih. Suara pencyarah dalam majlis-majlis syarahan jelas berkumandang kerana sistem pembesar suara yang terang. Keadaan ini dicapai hasil peranan yang dimainkan oleh Jabatan Teknikal dan Penyenggaraan.

Jabatan ini berperanan memastikan keadaan dan suasana masjid terpelihara dengan baik dan jemaah selesa mengunjungi Masjid Al-Istiqamah.

Tanggung jawab Jabatan ini secara kasar terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

1. Penyenggaraan (Housekeeping) & Pengendalian Peralatan.

Di samping memastikan kese-

lamatan dan kebersihan masjid dan sekitarnya, termasuk rumput dan tanaman. Juga menyelenggara keperluan kelas-kelas, kuliah dan majlis-majlis.

2. Baik Pulih (Maintenance & repair).

Kebanyakan tempoh jaminan (warranty) peralatan masjid tamat selepas setahun dan selepas tempoh itu jugalah penjagaan (maintenance) dan servis yang lebih kerap diperlukan untuk memastikan peralatan kekal berfungsi dan dapat bertahan.

3. Peningkatan (Prasarana).

Setelah hampir 2 tahun beroperasi sekarang jelas beberapa kelengkapan dan prasarana masjid yang perlu ditingkatkan.

Antara lain:

- Menambah senguap dibeberapa bahagian masjid, sama ada untuk berteduh atau mengelakkan tempias.

- Tempat letak kasut
- Kawasan rehat
- Kantin untuk murid madrasah
- Tempat simpan barang (stor)
- Dan lain lagi

Dan sebagai masjid yang baru lagi moden, tentu harapan jemaah juga tinggi. Inilah satu lagi cabaran yang dihadapi oleh Jabatan ini. Melalui kesempatan ini kami berterimakasih kepada sukarelawan masjid pimpinan Hj Maksom yang telah mengelolakan “spring cleaning”.

Manfaat program tersebut bukan sahaja membantu mengatasi taraf kebersihan masjid, dan menjimatkan kos tetapi juga membina semangat gotong royong dan menyemai rasa cinta kepada masjid.

Insyallah program tersebut akan dilaksanakan sekali lagi sekitar bulan Jun dan sebelum bulan Ramadan. Sidang jemaah yang sudi dialu-alaukan turut sama. C


Jabatan IT (Teknologi Maklumat)

Masjid ini beberapa kali dipaparkan di akhbar sebagai Masjid IT, masjid canggih. Ini menampilkan cabaran besar kepada jabatan IT.

Ini ditambah lagi dengan tanggapan umum yang agak dingin kononnya IT ini adalah suatu kemewahan—kalau ada bagus, kalau tak ada, tak rugi.

Jabatan IT menggagahkan diri menyahut cabaran-cabaran ini.

Antara langkah-langkah yang diambil ialah mengambil seorang pegawai sepenuh masa untuk mengendalikan tugas jabatan IT—masjid yang pertama di Singapura berbuat demikian.



Hasil usaha dan desakan berbagai pihak, lebih ramai kini bersetuju bahawa kegunaan IT adalah satu keperluan, lebih-lebih lagi di negara seperti Singapura.

Walaupun infrastruktur IT Masjid Al-Istiqamah telah disiapkan sejak bangunan masjid dibina, ternyata banyak lagi kerja perlu dijalankan untuk mewujudkan suasana penggunaan alat-alat IT/Multimedia dengan sebaik-baiknya.

Setakat ini, setiap anggota pentadbiran dan beberapa kakitangan lain memiliki komputer peribadi untuk melaksanakan kerja harian. Makmal komputer untuk latihan sofwe (makmal 1), dan bengkel hardware (makmal 2) pun telah disiapkan.

Dalam rangka menimbulkan kesedaran mengenai kegunaan IT di dalam kehidupan seharian, Jabatan IT Masjid Al-Istiqamah sedang dalam proses menganjurkan beberapa acara khas ditujukan kepada kaum Muslimin, lebih

lebih lagi yang tinggal berdekatan.

Pada musim cuti sekolah pertengahan tahun nanti, misalnya, akan diadakan hari di mana berbagai aspek IT dipamerkan.

Di samping itu, usaha untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan memperolehi komputer peribadi juga telah dimulakan. Setakat ini ramai pihak, individu dan korporat, Muslim dan bukan Islam telah menyahut seruan untuk membantu dengan menyumbangkan komputer-komputer yang terpakai.

Jabatan IT sedang merancang program untuk menyalurkan sumbangan tersebut kepada pihak yang layak menerima. Antara syarat-syarat menerima adalah keluarga tersebut berpendapatan rendah (butir-butir akan diumumkan) dan salah seorang anggota keluarga itu harus menyertai kursus pengenalan penggunaan komputer.

Setakat ini, jabatan IT mengharapkan tenaga sukarelawan untuk bergerak. Banyak idea-idea yang timbul mengenai IT di kalangan masyarakat Islam kita diberi pertimbangan serius.



Sebahagian anggota Jabatan IT yang ada telah ditugaskan untuk

menubuhkan kelab komputer. Kelab ini dijangka memainkan peranan besar dalam mempergiatkan jabatan IT dengan pelbagai aktiviti.

Buat permulaan, sebuah bengkel menggunakan “Dreamweaver”, sebuah sofwe membina laman internet telah dijalankan pada 17 Mac. Sambutan sangat menggalakkan dan para peserta telah meluahkan keinginan meneruskan peningkatan dalam bidang ini.

Kursus-kursus “hardware” membina dan memperbaiki komputer peribadi juga sedang dirancang atas permintaan ramai.

Kumpulan Audio-Visual terus menjalankan tugas menghasilkan persembahan-persembahan yang menggunakan alat-alat suara dan gambar. Antara tugas ini termasuk rakaman dan pancaran secara langsung majlis ibadah korban baru-baru ini.

Staf dalam masjid juga tidak terkecuali dalam peningkatan keahlian menggunakan alat-alat IT. Dengan adanya peralatan baru yang diawasi kesegarannya, aktiviti-aktiviti akan senantiasa diadakan untuk melibatkan pegawai-pegawai masjid dalam bidang IT. Buat permulaan, sebahagian pegawai sedang mengongsi penglibatan dalam pembinaan sofwe ‘in-house’ sistem pentadbiran.

Cabaran dan hambatan akan sentiasa wujud sepanjang perjalanan menuju matlamat menjadikan Masjid Al-Istiqamah sebagai pusat IT bagi masyarakat Islam di Singapura. Hanya satu jalan keluar — berdepan dan mengatasi cabaran dan hambatan tersebut.

Sekiranya anda berminat menjadi anggota sukarelawan Jabatan IT Masjid Al-Istiqamah, sila hubungi En Sahlan Siregar, Pegawai Eksekutif IT di talian 2814287 atau emel ke: sahlan@mosque.org.sg

Tiga-campur-satu, Puan Kamisah

Oleh Siti Sainab Abdul Wahid

Anda biasa dengar kopi atau teh tiga-dalam-satu. Tetapi jarang kita jumpa wanita tiga campur satu.

Jika anda ke masjid ini, anda mungkin telah bertemu dengan wanita “tiga-campur-satu” ini — Cik Kamisah Abdullah Sajat.

Cik Kamisah, Pustakawan

Anda pernah ke Perpustakaan Berbilang Media Masjid Al-Istiqamah? Jika belum, cubalah dan anda pasti akan dilayan mesra oleh Cik Kamisah, salah seorang pustakawan sambilan.

Apabila Perpustakaan Berbilang Media mula dibuka pertengahan tahun 2000, beliau dilantik sebagai pustakawan sambilan di sini. Antara faktor yang mendorong beliau menerima jawatan ini ialah kerana inginkan suasana pekerjaan yang berbeza, mendapat ramai teman baru, kemudahan belajar agama serta dapat mengisikan masa lapang dengan lebih berfaedah.

Cik Kamisah, Sukarelawan

Jika anda biasa mengikuti kelas agama, anda bukan sahaja melihat beliau sibuk membahagikan

nota, tetapi juga biasa menjadi juru acara mengumumkan beberapa kegiatan masjid sebelum kelas bermula.

Bekas seorang pegawai polis selama 27 tahun, Cik Kamisah berjinak-jinak sebagai sukarelawan di Jabatan Wanita Masjid Al-Istiqamah sejak September 1999 sebelum persaraannya pada Februari 2000 atas galakan anak-anaknya.

Cik Kamisah, tukang masak

Puan Kamisah juga terkenal sebagai tukang masak Al-Istiqamah, kerana kerap diberikan tugas memasak bagi jamuan untuk ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan yang diadakan di sini. Bermula dari menderma masakan untuk majlis tahlil, kemahirannya diketahui oleh staf dan sukarelawan di sini. Cubalah masakan laksa dan mee siam gorengnya yang power! Sekali makan, mesti hendak lagi.

Cik Kamisah, isteri setia

Walaupun sibuk dengan aktiviti di masjid, beliau tidak menyetepikan urusan rumahtangganya, dan beliau amat beruntung kerana mempunyai suami serta anak-anak

yang cukup memahami tugas beliau. Harapan beliau agar anak-anaknya dapat belajar hingga ke menara gading.

Berlandaskan prinsip hidup “Jika rajin dan sentiasa mempertingkatkan diri, tentulah kita akan dapat pergi jauh”, beliau mempersiapkan



Puan Kamisah (duduk) — satu-satunya anggota “multi-tasking” di Masjid Al-Istiqamah. Beserta di gambar ialah pustakawan Puan Marwati Ahmad (kiri) dan Puan Jamilah Jamal.

dirinya dengan kemahiran menjahit dan juga bidang IT. Kerana itulah beliau menceburkan dirinya sebagai salah seorang anggota Jabatan Wanita masjid ini.

Kami doakan semoga Puan Kamisah dapat terus berbakti kepada Masjid Al-Istiqamah, insya Allah. C

Ibadah Korban (1421 H) Di Al-Istiqamah

Tahun ini, Masjid Al-Istiqamah mengelolakan ibadah korban dengan penyembelihan 112 ekor kambing. Alhamdulillah, berkat semangat gotong-royong para Muslimin yang membara, segalanya berjalan dengan lancar.



(Menurut putaran jam dari kiri): Menyediakan kambing-kambing di kandang sementara; yang berhajat beratur menunggu giliran; naik ‘kereta kambing’; sedia disembelih; tukang potong sedang beraksi.



Alangkah Nikmatnya Berjirankan Masjid

Oleh Azhari Mustapha

Semasa ziarah-menziarahi kaum kerabat sempena Hari Raya Aidil Fitri dalam bulan Syawal yang lepas, saya telah sempat berkunjung ke rumah kakak saya yang tinggal berhampiran dengan Masjid Al-Istiqamah. Kebetulan hari itu adalah hari Juma'at. Itulah pertama kali saya menunaikan solat Juma'at di Masjid Al-Istiqamah.

Setelah menunaikan fardu Juma'at di sana, terus saya meninggalkan masjid untuk bersilaturahmi di rumah kakak saya. Tidak terdetik di dalam hati saya bahawa solat Juma'at adalah pembuka bagi solat-solat waktu yang seterusnya di Masjid Al-Istiqamah. Alhamdulillah, saya telah berulang-alik dari rumahnya ke masjid untuk menunaikan solat Asar, Maghrib dan Isyak.

Dalam berulang-alik ke masjid terasa satu nikmat yang mungkin tidak dapat dirasakan bagi yang sebelum ini tinggal berjauhan dengan masjid. Iaitu nikmat tinggal berhampiran dengan masjid.



Alangkah seronoknya dapat menyahut seruan Ilahi (azan), jalan yang mana dosa dihapus dan darjat dinaikkan, bersua dengan kaum Muslimin, mendapatkan saf pertama di mana Allah berselawat ke atas mereka, berdoa di tempat yang mustajab, ketenangan daripada hiruk-pikuk keduniaan dan banyak lagi nikmat yang tidak terhingga.

Setelah solat yang terakhir (Isyak), terlintas di dalam fikiran saya untuk mengumpulkan kelebihan-kelebihan orang yang solat di majid pada waktunya. Subhanallah! Alangkah banyaknya kelebihan yang saya temui.

Oleh itu, wahai jiran-jiran masjid, saya sajikan ringkasan beberapa keuntungan yang akan diperoleh apabila solat berjemaah di masjid sebagaimana diberitakan oleh Junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w:

- ◆ Allah menyediakan hidangan di syurga setiap kali ke masjid siang atau malam. *(Bukhari & Muslim)*

- ◆ Lebih baik daripada solat bersendirian 25 atau 27 kali ganda. *(Bukhari & Muslim)*

- ◆ Setelah berwudhu di rumah, setiap langkah diangkat darjat, dihapuskan dosa dan malaikat mendoakannya apabila dia solat. *(Bukhari & Muslim)*

- ◆ Mendapat cahaya yang terang benderang pada Hari Kiamat bagi yang ke masjid pada waktu gelap. *(Abu Daud & Tirmizi)*

- ◆ Mendapat penyaksian sebagai seorang yang beriman kerana Allah berfirman, "Hanya orang yang memakmurkan masjid adalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat." *(Tirmizi)*

- ◆ Mendapat pahala solat malam apabila solat Isyak dan Subuh berjemaah. *(Muslim)*

- ◆ Allah dan malaikat berselawat atas mereka yang berada di saf pertama. *(Abu Daud)*

- ◆ Doa yang mustajab di antara azan dan iqamat. *(Bukhari & Muslim)*

- ◆ Apabila mengerjakan solat sunat di rumah setelah solat fardu di masjid, maka rumah akan diberkati Allah. *(Muslim)*

Demikianlah antara kelebihannya. Dan Alhamdulillah, rumah saya di sini pun dekat dengan surau.

Penulis adalah penuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi. C

Peluang Menjadi Anggota LPM Al-Istiqamah Penggal Ke 2 (2001-2003)

Tempoh perkhidmatan para anggota Lembaga Pentadbir Masjid (LPM) Al-Istiqamah akan berakhir pada 9 Ogos 2001.

Demi pembangunan dan kemajuan berterusan masa depan masyarakat Islam, Muis komited untuk melaksanakan proses penyegaran dan regenerasi kepimpinan Masjid. Dan seberapa dapat Muis akan

mempastikan pembentukan LPM baru akan mengadakan kombinasi berikut:

- a) Kesyambungan perkhidmatan
- b) Penerapan tenaga baru
- c) Gabungan anggota berpengalaman dan yang muda
- d) Memastikan kepelbagaian latar belakang, bidang dan kepakaran
- e) Penyertaan golongan karyawan

dan asatizah.

Kami mengalu-alukan tuan/puan untuk mencalonkan diri.

Pencalonan boleh dibuat melalui borang yang boleh didapatkan di pejabat Masjid Al-Istiqamah (tel: 2814287) atau Muis (tel: 3591426).

Tarikh tutup permohonan: 31 Mei 2001.C

Kenali Sahabat Rasulullah s.a.w.

Umar (r.a.) - penegak kebenaran

Sebelum Saiyidina Umar bin al-Khattab memeluk agama Islam, beliau adalah antara manusia yang paling kuat menentang Rasulullah s.a.w. dan amat ditakuti dan digeruni oleh semua penganut Islam pada masa itu. Selain itu beliau sangat berpengaruh dan disegani oleh kaum kafir Quraisy.

Itu menjadi Rasulullah s.a.w. pernah berdoa yang antara lain bermaksud, "Ya Allah! Kuatkanlah Islam ini dengan Umar."

Ketulusan dan keberanian beliau terus dibuktikan sebaik sahaja memeluk agama Islam iaitu dengan terang-terangan mengisytiharkan Islamnya dan setelah men-


dapat keizinan Rasulullah s.a.w. beliau terus menunaikan solat di dalam Masjidil Haram secara terang-terangan dengan disaksikan oleh masyarakat kafir Quraisy.

Kerana keberaniannya Rasulullah s.a.w. telah menggelar beliau "al-Farouk" yang bermaksud "pemisah antara hak dan batil".

Dalam peristiwa hijrah pula, sedang para sahabat yang lain berhijrah secara sembunyi-sembunyi, Saiyidina Umar telah keluar ke tengah kota Makkah dan menecabar kaum Quraisy supaya menyekat pemerginya ke kota Madinah.

Saiyidina Umar al-Khattab telah dilantik menjadi khalifah yang kedua pada tahun 13H bersamaan 634M adalah sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkenal kerana berani, tegas, taat, bertanggungjawab, adil dan mempunyai pemikiran yang terbuka dan keriatif.

Pada zaman pemerintahannya banyak kemajuan telah dilaksanakan terutama dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan pembangunan negara.

Bila agaknya akan muncul seorang personaliti luarbiasa di kalangan umat Islam seperti Umar r.a? Mungkin tak akan lagi. 



UCAPAN TAHNIAH



Tahniah kepada Sdr Yusri Osman (Bilal) yang telah menikahi Cik Nor Adzlela Abd Kadir pada 25 Februari 2001 (1 Zulhijjah 1421) di Masjid Al-Istiqamah. Semoga mahligai yang dibina mendapat rahmat dan bahagia selalu.

Kami sedia menerima sumbangan daripada sekalian pembaca. Sertakan penulisan anda dengan nama pahun, nombor kad pengenalan dan alamat. Segala sumbangan yang kami sertakan di dalam terbitan menjadi hak milik Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah. 'Suara Al-Istiqamah' adalah risalah yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan dan Perhubungan Masjid Al-Istiqamah.

Pandangan-pandangan yang diutarakan di dalam terbitan ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi pihak Masjid Al-Istiqamah.

Masjid Al-Istiqamah
2 Serangoon North Ave 2

Tel: 281-4287 Fax: 281-3204
Email: alisticamah@mosque.org.sg



Lembaga Pentadbir
Masjid Al-Istiqamah

*Membina Masyarakat Beriman, Berilmu
& Beramal.*

Selamat kembali, tetamu-tetamu Allah

Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah, mengucapkan selamat pulang kepada jemaah haji yang telah ke tanah suci Mekah pada musim haji yang baru ini. Semoga setiap ahli jemaah mendapat haji yang mabrur, Insya Allah.